

Al-Aqsa: PBB didesak beri tekanan kepada Israel

Hanya PBB berkemampuan untuk bertindak dengan memberikan tekanan supaya rejim Zionis itu menghentikan segera tindakan mereka

UM-14/2/2007

Daripada AZNAN BAKAR

ABDULLAH
AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan pegawai-pegawai Malaysia sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di hotel penginapannya di Bangkok, semalam.

BANGKOK 13 Feb. - Malaysia mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi tekanan kepada Israel supaya menghentikan kerja-kerja penggalian dekat perkarangan Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau telah menulis surat kepada para anggota tetap Majlis Keselamatan dan Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon mendesak mereka mengambil langkah menahan dan menghentikan tindakan Israel yang tidak bertanggungjawab itu.

"PBB mempunyai kemampuan untuk mengambil tindakan itu," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan tiga hari beliau ke Thailand di sini hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Israel meneruskan kerja-kerja penggalian di pekarangan Masjid Al-Aqsa bagi tujuan membina laluan pejalan kaki walaupun mendapat bantahan daripada pelbagai pihak.

Kerja-kerja penggalian di kawasan berhampiran Masjid Al-Aqsa telah mencetuskan kemarahan umat Islam kerana ia boleh merosakkan asas masjid berusia 1,400 tahun itu.

Bagaimanapun kerja-kerja itu didakwa oleh Israel sebagai usaha menyelamatkan artifak sebelum pembinaan laluan ke kompleks yang dianggap suci oleh orang Yahudi dilakukan.

Israel juga mendakwa kerja-kerja penggalian itu tidak akan merosakkan tempat suci berkenaan.

Abdullah berkata, kawasan itu bukan warisan untuk orang Islam sahaja tetapi juga agama-agama lain.

Katanya, hanya PBB berkemampuan untuk bertindak dengan memberikan tekanan supaya rejim Zionis itu menghentikan segera tindakan mereka.

Selain itu Perdana Menteri juga telah menulis surat kepada ketua-ketua kerajaan OIC dan setiausaha badan-badan tertentu seperti Liga Arab dan Kesatuan Eropah (EU) berhubung bantahan tersebut.

"Ini tindakan yang tidak bertanggungjawab yang akan memberi reaksi marah di pihak orang Islam. Yang penting mereka (Israel) berhenti (kerja-kerja menggali) sekarang," tegas Perdana Menteri.

- Utusan